

Malaysia mungkin ubah pendirian

20 NOV 1991

P KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia mungkin mengubah pendiriannya dari menghadiri Persidangan Alam Sekitar Sedun (UNCED) di Brazil Jun depan sekiranya mesyuarat mengenai persiapannya dan mesyuarat negara-negara membangun, menghasilkan rumusan positif mengenai tanggungjawab bersama mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia perlu melihat hasil kedua-dua mesyuarat itu yang akan diadakan Januari depan, sebelum membuat sebarang keputusan.

"Kita akan lihat hasil mesyuarat itu. Jika ia bertujuan membincangkan tindakan positif yang perlu diambil oleh semua pihak, maka kita

mungkin menghadiri persidangan itu.

"Kalau persidangan itu semata-mata menumpukan soal pencemaran alam sekitar dan kegiatan pembalakan, kita tidak akan hadir," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar di Forum 1991 anjuran Persatuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, lebih baik Malaysia tidak menghadirinya jika persidangan itu semata-mata mahu "meletakkan semua beban menjaga alam sekitar kepada negara miskin".

Schubungan itu, katanya, persidangan itu harus bersikap positif untuk mencari jalan bagaimana semua pihak

dapat mengurangkan pencemaran alam.

Sebelum itu, dalam ucapannya, beliau menegaskan sebahagian besar pencemaran alam disebabkan negara maju yang mempunyai banyak kenderaan, mengeluarkan lebih gas CFC serta bahan kimia yang mencemar sungai dan laut.

Bagaimanapun, katanya, negara berkenaan meminta negara membangun agar mengekalkan hutan tropika supaya mereka mendapat bekalan oksigen.

"Saya rasa ini tidak patut, seperti memaksa orang miskin di kawasan setingan membayar cukai supaya orang kaya boleh hidup mewah," katanya.

Menurutnya, ini tidak boleh diterima kerana orang kaya yang sepatutnya menolong yang miskin.